



## Perbadanan Harta Intelek Malaysia

### KURSUS DAN PEPERIKSAAN BAGI EJEN PATEN PERATURAN 45CA DAN 45D, PERATURAN-PERATURAN PATEN 1986

- Lembaga Peperiksaan Ejen Paten, Perbadanan Harta Intelek Malaysia akan mengadakan peperiksaan untuk calon-calon ejen paten pada **1 sehingga 5 Disember 2025.**
- Calon-calon yang berkelayakan adalah dipelawa untuk membuat pendaftaran dengan memfailkan Borang 18A dengan fi sebanyak RM150.00. Tambahan fi sebanyak RM150.00 akan dikenakan bagi setiap subjek yang didaftarkan seperti berikut:
  - i) Teknologi
  - ii) Undang-Undang dan Amalan Paten di Malaysia
  - iii) Penderafan Paten
  - iv) Undang-Undang dan Amalan Cap Dagangan, Reka Bentuk Perindustrian di Malaysia (termasuk Petunjuk Geografi)
  - v) Undang-undang dan Amalan Harta Industri Asing
- Calon-calon juga perlu mendaftar untuk menghadiri kursus persediaan peperiksaan ejen paten dengan memfailkan Borang 18C dengan fi sebanyak RM3000.00.
- Sukatan peperiksaan dan contoh-contoh soalan boleh didapati daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia dengan bayaran RM50.00 satu set.
- Calon-calon adalah diingatkan bahawa untuk didaftarkan di dalam Daftar Ejen Paten, mereka hendaklah memenuhi peruntukan Peraturan 45C(2), Peraturan-Peraturan Paten 1986.
- Permohonan hendaklah dibuat **sebelum atau pada 10 Oktober 2025** ke alamat seperti berikut:

Setiausaha  
Lembaga Peperiksaan Ejen Paten  
Perbadanan Harta Intelek Malaysia  
Level 5, Menara MyIPO, PJ Sentral  
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52  
46200 Petaling Jaya  
Selangor

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Pn. Yusliza Yusuf di talian 03-74963291 atau e-mel: [yusliza@myipo.gov.my](mailto:yusliza@myipo.gov.my) atau  
Pn. Zarada Zakaria di talian 03-74963809 atau e-mel: [zarada@myipo.gov.my](mailto:zarada@myipo.gov.my)